

22 APR 1997

Mahathir-Ilmu

JANGAN PERTIKAI ILMU DI NEGARA INI, KATA DR MAHATHIR

KEPALA BATAS, 22 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta rakyat beragama Islam di negara ini supaya tidak mempertikaikan sistem pendidikan negara ini sebagai sekular atau tidak.

Perdana Menteri berkata, orang-orang Islam hendaklah memandang akan ilmu yang ditawarkan itu sebagai sesuatu yang perlu untuk memperkuat perjuangan Islam.

"Dengan keupayaan menguasai ilmu, seperti teknologi dan komputer, akan membuatkan orang lain menghormati dan tidak memandang rendah terhadap orang-orang Islam," katanya di Majlis Jamuan Teh Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Al-Irshad dekat sini.

"Sedikit sebanyak kita juga dapat menebus maruah agama bangsa dan negara," katanya. Yang turut hadir ialah isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, timbalan beliau, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Orang-orang Islam yang tidak berusaha untuk menguasai ilmu akan terus hidup dalam kemiskinan dan akan terpaksa mengamalkan perbuatan meminta bantuan untuk terus hidup, katanya.

Perbuatan itu menyebabkan mereka tidak mempunyai masa untuk beribadat dan akhirnya tidak mendapat apa yang dihajati bagi akhirat, katanya.

Dr Mahathir berkata, hari ini Islam dipandang rendah kerana negara-negara Islam tidak dapat menguasai ilmu dan Islam dipandang sebagai agama keganasan.

"Kalau kita kuat, mereka tidak berani mengatakan Islam mengajar pengikutnya menjadi ganas," katanya.

Perdana Menteri berkata, orang Melayu mesti bekerja dan berusaha dengan gigih untuk menguasai ilmu supaya walaupun tidak berada di hadapan orang-orang yang sudah maju, sekurang-kurangnya seiring bersama mereka.

Islam juga mengajar penganutnya agar bersedia mempertahankan diri dan ilmu dapat digunakan untuk membuat pelbagai peralatan seperti meriam, kapal laut dan kapal selam.

"Kalau para penuntut di negara ini tidak mahu belajar teknologi tinggi, negara ini akan ketinggalan dan sekaligus tidak akan dapat mempertahankan umat Islam," kata beliau.

Beliau membidas sikap sebuah parti di negara ini yang mengatakan UMNO bukan memperjuangkan Islam sejagat tetapi hanya merupakan sebuah parti bersifat kebangsaan.

Menurut beliau, UMNO mewakili orang-orang Melayu di negara ini yang kesemuanya beragama Islam dan tidak perlu bagi mendabik dada mengatakan ia berjuang untuk Islam.

"Kita tidak mahu takbur kononnya kita berjuang untuk kepentingan Islam sedunia.. memadai kita berjuang untuk kita (memajukan negara ini)," katanya.

Sebelum itu, Dr Koh telah menyampaikan kepada Dr Mahathir cenderamata berbentuk CD yang mengandungi lagu-lagu persembahan orkestra simfoni. Ia sebagai mengiktiraf jasa Perdana Menteri.

Pada sidang berita sebelum pulang ke Kuala Lumpur, Perdana Menteri berkata ada pihak yang cuba mempengaruhi fikiran para penuntut di universiti-universiti tempatan bahawa pendidikan di situ adalah sekular.

Mereka sering mengganggu para penuntut berkenaan dengan menganjurkan pelbagai kuliah subuh dan qiamulail yang tidak diwajibkan dalam Islam hingga menyebabkan para penuntut berkenaan tidak dapat belajar dan mencapai

kejayaan cemerlang. --- BERNAMA
AHM PR